

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : SOKONGAN  
**TARIKH KUAT KUASA** : 1 NOVEMBER 2002

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>					
<b>Gred Q27</b>	:	P1T1	RM966.06	-	P1T26	RM2424.11
		P2T1	RM1021.72	-	P2T26	RM2572.94
		P3T1	RM1079.80	-	P3T26	RM2726.61
<b>Gred Q32</b>	:	P1T1	RM1932.85	-	P1T13	RM2876.65
		P2T1	RM2101.04	-	P2T13	RM3131.96
<b>Gred Q36</b>	:	P1T1	RM2404.75	-	P1T11	RM3555.46
		P2T1	RM2572.94	-	P2T11	RM3932.98

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan mendapat Prinsipal dalam subjek Matematik atau Ilmu Sains; atau  
(ii) diploma dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q27: P1T5); atau  
(iii) Diploma Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q27: P1T6); atau  
(iv) Diploma Sains Veterinar/Haiwan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q27: P1T7);
- dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN  
PANGKAT SECARA  
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penyelidik adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred Q27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q27 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Penolong Pegawai Penyelidik boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/  
PEPERIKSAAN**

6. Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q27 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

7. Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q27 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP  
KECEKAPAN**

9. Penolong Pegawai Penyelidik hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED Q32**

10. Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q27 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q32 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED Q36**

11. Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q36 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
SECARA LANTIKAN  
KE PERKHIDMATAN  
PEGAWAI PENYELIDIK**

12. Penolong Pegawai Penyelidik yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].